

**INFO@HEPA**

# **JALAN KAKI LASAK MAHASISWA/I UNIMAP — PERANGI DADAH HABIS-HABISAN**

Bersempena dengan Seminar Gelaja ATS dan HIV AIDS Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA Malaysia, Pengurusan Kolej-Kolej Kediaman UniMAP dengan kerjasama Sekretariat Rakan Pendamping Siswa (RPS), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menganjurkan aktiviti ke 2 dalam Program Rakan Pendamping Siswa (RPS) – 7 Kursus Wajib Universiti (7 Pillars) iaitu Program Jalan Kaki Lasak Mahasiswa/i UniMAP dengan tema "Perangi Dadah Habis-Habisan". Program ini telah dilaksanakan pada 16 Februari 2008 bertempat di Kawasan Padang Besar Utara.

Program Jalan Kaki ini telah dihadiri oleh seramai 1,376 orang mahasiswa/i UniMAP yang meliputi pelajar-pelajar Tahun 1 dan 2 dari program Pengajian Ijazah. Kesemua mahasiswa/i ini telah dibawa ke tapak Karnival Seminar Gelaja ATS dan HIV AIDS di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Besar Utara seawal jam 6.30 pagi lagi. Sebelum memulakan program Jalan Kaki kesemua mahasiswa/i ini telah mengikuti sesi Senamrobiik dan Poco-Poco yang telah diadakan di Padang Sekolah tersebut. Pada jam 10.50 pagi, para mahasiswa/i yang menyertai program Jalan Kaki Lasak ini telah dilepaskan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Musa bin Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Perlis dengan disaksikan oleh Yang



Berbahagia Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin bin Hussin, Naib Canselor UniMAP dan tetamu-tetamu jemputan yang hadir pada pagi tersebut.

Laluan bagi Program Jalan Kaki Lasak Mahasiswa/i ini meliputi jarak kira-kira 15 kilometer dengan merangkumi laluan bermula dari Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Besar Utara melalui kampung-kampung, Kawasan Perindustrian Padang Besar, Felda Rimba Mas dan kembali semula ke Padang SMK Padang Besar Utara. Untuk mengendalikan jumlah peserta yang ramai ini, jawatankuasa pengajar telah mendapat bantuan daripada Polis DiRaja Malaysia (Trafik) bagi mengawal lalulintas dan JPA3. Para mahasiswa/i selain daripada berjalan kaki, para mahasiswa/i ini juga turut mengedarkan risalah dan poster yang berkaitan dengan memerangi panyalahgunaan dadah kepada penduduk setempat. Adalah diharapkan dengan cara sebegini akan dapat membantu usaha kerajaan untuk memerangi gejala penyalahgunaan dadah di kalangan penduduk setempat dan mahasiswa/i. Nyata rata mahasiswa/i yang menyertai program Jalan Kaki Lasak ini menyatakan rasa gembira mereka kerana selain daripada memperolehi kesihatan melalui bersenam (berjalan kaki), mereka juga turut membantu Negara dalam mengingatkan masyarakat setempat terhadap penyalahgunaan dadah.